

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 1999/2000

September 1999

HLA/VLA 101/NSK 003 – Pengantar Seni Teater

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI TUJUH (7) SOALAN DI DALAM TIGA (3) HALAMAN.

Jawab EMPAT (4) soalan sahaja.

SEMUA soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Terdapat berbagai teori tentang asal usul teater. Hurai dan bandingkan secara terperinci teori-teori asal usul teater yang telah diutarakan oleh James Frazer, William Ridgeway, Gerald Else, Levi Strauss serta Aristotle.
2. Melalui buku *Poetics*, Aristotle telah mendefinisikan secara terperinci konsep dan struktur tragedi. Sejauh manakah drama *Hamlet* dapat digolongkan sebagai sebuah drama tragedi berdasarkan konsep dan struktur yang telah dikemukakan oleh Aristotle.

3. Huraikan pementasan teater NOH di Jepun dari sudut
- (a) kostium
  - (b) peralatan
  - (c) muzik
  - (d) pentas
  - (e) pembahagian cerita
4. Sejauh manakah drama *Mother Courage and Her Children* memenuhi ciri-ciri teater epik yang telah dipelopori oleh Bertolt Brecht?
5. Pentas proscenium, arena, unjuran dan sekitaran [environmentals] adalah jenis-jenis pentas-pentas untuk pementasan teater. Jelaskan kekuatan-kekuatan dan kelemahan-kelemahan penggunaan pentas-pentas tersebut.
6. Sumbangan individu-individu berikut telah menjayakan sesebuah produksi teater. Berdasarkan sebuah pementasan yang pernah anda tonton di kampus Universiti Sains Malaysia, huraikan peranan dan tanggungjawab mereka.  
(Pilih EMPAT daripada berikut).

- a. pengarah
- b. pelakon
- c. penata cahaya
- d. pereka set
- e. pengurus pentas
- f. penerbit

7a. Huraikan struktur plot di dalam drama *Sireh Bertepuk Pinang Menari* karya Nordin Hassan.

ATAU

7b. Penganalisaan perwatakan di dalam drama *Angin Kering* karya Johan Jaafar